

PM dedah taktik golongan mahu pengaruhi saham

BH 15 NOV 1969

JITRA, Khamis — Rakyat hari ini diingatkan supaya berwaspada dengan penyebaran-khabar angin yang mempunyai kepentingan di Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL).

"Mereka menyebarkan-khabar-khabar angin mengenai krisis MCA, pilihanraya dan soal keselamatan dalam negeri semata-mata untuk mempengaruhi harga saham di pasaran," katanya.

Berucap di majlis perjumpaan dengan ahli-ahli Barisan Nasional Bahagian Kubang Pasu di Bangunan Umno di

sini petang ini, Perdana Menteri berkata orang seperti ini banyak menimbulkan masalah kepada negara dan rakyat kerana mereka akan menggunakan segala kesempatan untuk mencari keuntungan.

Menurutnya, ramai ahli parti politik termasuk Umno keliru dengan dakyah dan khabar-khabar angin seperti itu dan ini boleh memburukkan keadaan.

Datuk Seri Dr Mahathir akui bahawa keadaan ekonomi merosot disebabkan kejatuhan harga bahan-bahan mentah utama tetapi tidaklah seburuk negara-negara lain.

"Walaupun harga ge-

tah, bijih timah dan kelapa sawit jatuh, Malaysia masih mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh berbanding negara-negara lain," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya berhati-hati dengan taktik kotor dan dakyah parti pembangkang yang berusaha untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat.

Susah

Katanya, sejak akhir-akhir ini parti pembangkang telah menggunakan pelbagai taktik untuk mendapatkan sokongan rakyat termasuk ikrar akan menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu.

"Saya harap orang bukan Melayu tidak akan terpengaruh dengan taktik itu kerana jika parti pembangkang memerintah, bukan sahaja orang Melayu akan susah, orang bukan Melayu juga akan turut susah," tambahnya.

Mengenai projek integrasi murid-murid, Perdana Menteri menjelaskan, ia tidak akan menghapuskan bahasa Cina atau India, sebaliknya memupuk perpaduan antara pelajar-pelajar pelbagai kaum.

Beliau kesal kerana ada pihak tertentu telah menjadikan projek itu sebagai satu isu untuk kepentingan politik mereka tanpa memperdulikan usaha memupuk perpaduan nasional.